



**TAWARAN PENAJAAN  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)  
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT IJAZAH PERTAMA  
DI BAWAH PROGRAM IJAZAH DALAM NEGARA (PIDN) TAHUN 2025**

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama di **Universiti Awam (UA)**, **Politeknik Premier** dan **Government-Linked Universities (GLU)** yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) secara **Pinjaman Boleh Ubah (PBU)**.
- 1.2 Perjanjian pinjaman dikuatkuasakan mengikut empat keadaan PBU seperti berikut:
  - (i) pinjaman **ditukar kepada biasiswa penuh** dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam setelah tamat pengajian;
  - (ii) **bayaran balik sebanyak 25%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) setelah tamat pengajian;
  - (iii) **bayaran balik sebanyak 50%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara setelah tamat pengajian; dan
  - (iv) selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki **membayar balik sepenuhnya nilai pinjaman**.

## **2.0 SYARAT PERMOHONAN**

2.1 Calon-calon yang berminat mestilah memenuhi syarat umum dan khusus permohonan seperti berikut:

### **2.1.1 Syarat Umum**

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Pemohon disyaratkan bebas daripada penyakit kronik/ berjangkit/ penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat, serta disahkan sihat untuk meneruskan pengajian;
- c) Ibu dan/ atau bapa dan/atau pemohon tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- d) Pemohon yang pernah dikenakan tindakan penamatkan tajaan atas pelanggaran syarat perjanjian oleh JPA tidak layak memohon;
- e) Sekiranya berjaya ditawarkan penajaan JPA, pemohon tidak dibenarkan menerima bantuan kewangan/ tajaan daripada mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama);
- f) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan
- g) **Umur tidak melebihi 23 tahun** pada tahun permohonan (24 tahun bagi pelajar peralihan).

### **2.1.2 Syarat Khusus**

- a) Telah **memulakan pengajian peringkat Ijazah Pertama** sebelum tarikh iklan ditutup;
- b) Bagi **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia**, hanya terbuka kepada pelajar selain pegawai kadet;

- c) Tidak pernah gagal atau mengulang mana-mana subjek dalam mana-mana semester sebelum membuat permohonan;
- d) Tiada penangguhan pengajian sebelum calon memohon; dan
- e) Memenuhi syarat akademik seperti berikut:
  - A. **Pelajar telah memulakan pengajian di peringkat Ijazah Pertama dan memperoleh keputusan seperti berikut:**
    - a. Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) terkini **sekurang-kurangnya PNGK 3.30 (selain bidang Kejuruteraan);**  
atau
    - b. Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) terkini **sekurang-kurangnya PNGK 3.00 (bidang Kejuruteraan);**  
dan
    - c. Mempunyai **baki 12 bulan pengajian tidak termasuk semester terkini/ semasa.**
  - B. Bagi pelajar **lepasan Diploma** yang belum mempunyai keputusan semester pertama di peringkat Ijazah Pertama, pelajar boleh memohon menggunakan keputusan akhir Diploma dengan pencapaian **sekurang-kurangnya PNGK 3.30.**

### **3.0 PERINGKAT PENGAJIAN DAN INSTITUSI PENGAJIAN**

Pengajian yang ditaja adalah pengajian di peringkat Ijazah Pertama di dalam negara iaitu Universiti Awam (UA), Politeknik Premier dan *Government-Linked Universities* (GLU) yang tersenarai seperti di **LAMPIRAN A**.

## **4.0 BIDANG PENGAJIAN**

- 4.1** Program pengajian yang dibuka untuk permohonan adalah berdasarkan senarai yang dikemukakan oleh setiap institusi pengajian yang terlibat dan telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPA.
- 4.2** Program pengajian yang ditaja hendaklah telah mendapat akreditasi penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau diiktiraf oleh Badan Profesional (jika berkaitan).
- 4.3** Bidang-bidang yang **tidak ditaja** adalah seperti berikut:
  - a) Bidang perubatan, pergigian dan farmasi. Pelajar boleh memohon melalui Program Khas Perubatan, Pergigian dan Farmasi (Ijazah Pertama);
  - b) Bidang pendidikan;
  - c) Bidang yang memerlukan pelajar mengambil jenis-jenis lesen seperti lesen penerangan dan sebagainya;
  - d) Program-program berbentuk francais UA/ IPTS;
  - e) Program-program berkembar/ ijazah dual/ double degree/ program kerjasama dengan institusi lain kecuali yang dibenarkan;
  - f) Program kejururawatan, separa perubatan dan program pra perkhidmatan;
  - g) Program-program berkaitan sijil/ kursus profesional; dan
  - h) Program pengajian secara separuh masa/ jarak jauh/ atas talian/ pengajian tanpa subsidi yuran pengajian/ saluran komersial.

## **5.0 CARA MEMOHON**

- 5.1** Permohonan dibuka secara dalam talian (*online*) di <https://bmipenajaan.jpa.gov.my/ms/> bermula **28 Februari 2025 (10.00**

**(pagi) hingga 9 April 2025 (jam 5.00 petang).** Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

- 5.2** Calon dibenarkan mendaftar, mengemaskini / meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan Permohonan Penajaan Program PIDN Tahun 2025** sebagai bukti permohonan telah dibuat.
- 5.3** Tawaran penajaan ini akan disiarkan melalui laman web JPA di <http://www.jpa.gov.my> atau <https://bmipenajaan.jpa.gov.my/ms/>. Calon boleh merujuk *Frequently Asked Questions (FAQ)* bagi maklumat lanjut berhubung program yang ditawarkan.
- 5.4 Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal** boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8885 3297** pada setiap hari bekerja mulai jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang atau e-melkan kepada [pidn2025@jpa.gov.my](mailto:pidn2025@jpa.gov.my) (talian dan e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja).

## **6.0 TARIKH-TARIKH PENTING**

| Aktiviti           | Tarikh / Hari / Masa                          |
|--------------------|---|
| Permohonan dibuka  | <b>28 Februari 2025 (Jumaat)   10.00 pagi</b> |
| Permohonan ditutup | <b>9 April 2025 (Rabu)   5.00 petang</b>      |
| Jangkaan Keputusan | <b>*Minggu Kedua September 2025</b>           |
| Sesi Mula Tajaan   | <b>*September 2025</b>                        |

\*Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

## **7.0 HAK JPA**

- 7.1 Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa. Pihak Kerajaan tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
- 7.2 JPA boleh membuat sebarang perubahan kepada program penajaan ini pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu.
- 7.3 JPA boleh menarik balik tawaran penajaan sekiranya didapati perlu tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

**-TAMAT-**

## LAMPIRAN A

### **SENARAI INSTITUSI YANG DITAJA DI BAWAH PIDN TAHUN 2025**

1. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2. Universiti Malaya (UM)
3. Universiti Putra Malaysia (UPM)
4. Universiti Sains Malaysia (USM)
5. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
6. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
7. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
8. Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
9. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
10. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
11. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
12. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
13. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
14. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
15. Universiti Teknologi MARA (UiTM)
16. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
17. Universiti Utara Malaysia (UUM)
18. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
19. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
20. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
21. Politeknik Ungku Omar
22. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
23. Politeknik Ibrahim Sultan
24. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
25. Universiti Multimedia (MMU)
26. Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)
27. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
28. Malaysia-Japan International Institute of Technology Universiti Teknologi Malaysia (UTM-MJIIT)